

Mereka yang berminat boleh memohon apabila iklan dikeluarkan dalam akhbar-akhbar tempatan pada bulan Mac. Borang permohonan boleh diperolehi daripada:

- Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian, Putrajaya
- Institut-institut Pertanian Semenanjung Malaysia
- Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

**PENGARAH**

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
Jabatan Pertanian, Aras 13, Wisma Tani,  
Lot 4G2, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62632 Putrajaya.

Tel. : 03-88703032, 03-88703261, 03-88703034  
03-88703265, 03-88703263

Faks : 03-88888475

E-mel: latifah@doa.gov.my

zalina@doa.gov.my

zaharahsagimin@doa.gov.my

www.agrolink.doa.gov.my



**LAMAT INSTITUT PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

**INSTITUT PERTANIAN SERDANG (IPS)**

Institut Pertanian Serdang  
Beg Berkunci 204  
Pejabat Pos UPM  
43400 Serdang  
Selangor

Tel. : 03-89486204/082

Faks : 03-89483884

E-mel : pips@pd.jaring.my

**INSTITUT PERTANIAN BUMBONG LIMA (IPBL)**

Institut Pertanian Bumbong Lima  
Seberang Perai, 33209 Kepala Batas  
Pulau Pinang

Tel. : 04-5751901

Faks : 04-5756439

E-mel : ipbl@tm.net.my

**INSTITUT PERTANIAN TITI GANTONG (IPTG)**

Institut Pertanian Titi Gantong  
Titi Gantong, 32600 Bota Kiri  
Perak

Tel. : 05-3761244

Faks : 05-3761146

E-mel : iptgipp@streamyx.com

**INSTITUT PERTANIAN KUALA LIPIS (IPKL)**

Institut Pertanian Kuala Lips  
Jalan Barry, 27209 Kuala Lips  
Pahang.

Tel. : 09-3121328

Faks : 09-3121775

E-mel : ipklipis@tm.net.my

**INSTITUT PERTANIAN AYER HITAM (IPAH)**

Institut Pertanian Ayer Hitam  
Kotak Berkunci 101, 86100 Ayer Hitam  
Johor.

Tel. : 07-7581161/7582370

Faks : 07-7581948

E-mel : ipah@tm.net.my

**INFO TANI**

NO. 1/03.06/15R

**INSTITUT PERTANIAN Semenanjung Malaysia**



## PENGENALAN

Institut Pertanian Semenanjung Malaysia (IPSM) adalah di bawah pentadbiran Jabatan Pertanian Persekutuan melalui Bahagian Pembangunan Sumber Manusia. Di Semenanjung Malaysia terdapat lima (5) buah Institut Pertanian yang melaksanakan Kursus Sijil Pertanian. Sijil ini telah diiktiraf setaraf dengan Sijil Politeknik (Teknikal) dan Politeknik-politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia pada 18 Januari 1996 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

## MATLAMAT INSTITUT PERTANIAN

1. Mengeluarkan tenaga mahir bagi memenuhi tenaga kerja dalam sektor kerajaan dan swasta.
2. Memberi latihan kemahiran dan pengkhususan untuk mewujudkan bakal usahawan pertanian.
3. Membantu mempercepatkan transformasi sektor pertanian.

## JANGKAMASA KURSUS

Kursus Sijil Pertanian mengambil masa selama dua tahun (empat semester). Setiap sesi tahun pengajian mengandungi dua semester dan setiap semester terdiri daripada 20 minggu pengajian. Kursus ini dijalankan secara sepenuh masa dan merangkumi 72 jam kredit untuk dianugerah Sijil Pertanian.

## STRUKTUR PENGAJIAN

Untuk mencapai matlamat Institut Pertanian, sukatan pelajaran disediakan mengikut kumpulan mata pelajaran berikut:

- Mata pelajaran wajib meliputi pelajaran asas dan kemahiran
- Mata pelajaran pengkhususan di mana pelajar memilih salah satu daripada enam (6) bidang yang ditawarkan.

Semua pelajar wajib mengikut Latihan Luar Kampus (LLK) selama lapan (8) minggu pada akhir Semester IV. Latihan ini diadakan sama ada di sektor swasta atau kerajaan.

## KATEGORI KUMPULAN MATA PELAJARAN YANG DITAWARKAN

TAHUN 1	TAHUN 2
<b>Mata Pelajar Asas:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral</li><li>- Bahasa Inggeris</li><li>- Pengurusan Tanah</li><li>- Perlindungan Tanaman</li></ul>	<b>Mata Pelajaran Asas:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Tamadun Islam</li><li>- Bahasa Inggeris</li><li>- Pengurusan Am</li><li>- Komunikasi &amp; Perhubungan Awam</li><li>- Perniagaan Tani</li><li>- Pemasaran</li></ul>
<b>Mata Pelajaran Kemahiran</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Pengurusan Tanaman Sayuran dan Singkat Masa</li><li>- Hortikultur Hiasan</li><li>- Asas Sains Makanan</li><li>- Kejuruteraan Pertanian</li><li>- Pengurusan Tanaman Perladangan</li><li>- Pengurusan Tanaman Buah-buahan</li><li>- Pengurusan Ternakan</li><li>- Komputer</li></ul>	<b>Mata Pelajaran Kemahiran</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Komputer</li></ul> <b>Pengkhususan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Landskap</li><li>- Pengurusan Estet</li><li>- Pengurusan Ternakan</li><li>- Mekanisasi Ladang</li><li>- Teknologi Memproses Hasil Pertanian</li><li>- Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan</li></ul> <b>Latihan Luar Kampus</b>

## BIASISWA

Kos pengajian dibiayai sama ada oleh biasiswa daripada Kerajaan Persekutuan (Jabatan Pertanian Persekutuan), Lembaga Biasiswa Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun Kerajaan, Yayasan Pelajaran Negeri atau pihak swasta.

## PROSPEK KERJAYA

Graduan Institut Pertanian boleh memilih untuk bekerja, sama ada di sektor awam atau swasta atau menjadi usahawan pertanian. Golongan ini juga berpeluang untuk menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Swasta. Bidang-bidang pekerjaan yang boleh diceburi adalah seperti berikut:

- Landskap
- Nuseri Tanaman
- Perladangan
- Perhotelan
- Rekreasi
- Pemprosesan
- Perusahaan Pertanian

Pix tolong beri dalam bentuk jpg. file bukan dalam words atau powerpoint

## PERMOHONAN DAN PENGAMBILAN

Pengambilan dibuat berdasarkan syarat-syarat kelayakan berikut:

- Warganegara Malaysia berumur di antara 17 - 25 tahun (hingga 30 tahun) bagi pegawai Kerajaan pada masa kursus bermula.
- Berkelulusan SPM atau SPM(V) atau yang setaraf dengannya dan mempunyai kelayakan yang diperolehi dalam peperiksaan seperti berikut:
  - Lulus dalam Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) dan
  - Lulus dalam mata pelajaran Matematik/ Matemetik Tambahan dan
  - Kepujian dalam salah satu mata pelajaran iaitu Sains Pertanian, Sains, Pengeluaran Tanaman, Pengeluaran Ternakan, Hortikultur Hiasan dan Landskap, Kejenteraan Ladang, Pengurusan Ladang, Pengajian Agroteknologi, Landskap dan Nurseri, Tanaman Makanan, Geografi, Perdagangan, Prinsip Perakaunan, Ekonomi Asas, Ekonomi Rumah Tangga, Fizik, Kimia, Biologi, Sains Tambahan, Teknologi Bengkel Mesin, Kerja Menggegas dan Memesin, Teknologi Binaan Bangunan, Kerja Kayu dan Bata, Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam, Kerja Kimpalan, Teknologi Automotif, Menservis dan Membaiki Kenderaan, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pengajian dan Keusahawanan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Pengurusan Makanan, Asas Pemprosesan Maklumat, Teknologi Katering, Katering dan Penyajian, Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan, Teknologi Bakeri dan Konfeksioneri, Membuat Roti dan Patisserie dan
- Berjaya dalam temuduga yang dijalankan,
- Belum berkahwin (kecuali untuk Pegawai Kerajaan).